

Boleh tuntutan

Nelayan rugi akibat tumpahan minyak dapat ganti rugi

>>Oleh Yusmawati Mhd Yusof

yusmawati@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Kesemua nelayan yang mengalami kerugian akibat tumpahan kira-kira 2,000 tan minyak mentah dari kapal tangki Bunga Kelana 3 pada 25 Mei lalu di perairan Pengerang, Johor boleh menarik nafas lega kerana tuntutan pampasan kini sedang diuruskan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Malaysia.

Bagaimanapun, nelayan yang terjejas terlebih dulu diminta memberi kerjasama dengan menyalurkan sebarang tuntutan mereka kepada Jabatan Perikanan Negeri Johor untuk proses semakan dan pengesahan.

Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Semenanjung Malaysia, Datuk Kapten Ahmad Othman, berkata laporan polis perlu dibuat mengenai kerosakan peralatan yang dialami nelayan bagi membolehkan Jabatan Perikanan kemukakan tuntutan kepada JAS.

"Ia kemudian akan diberikan kepada JAS untuk tujuan rekod dan penyaluran dokumen tuntutan kepada pihak



AHMAD...penilaian rapi

penanggung insurans kapal yang akhirnya akan membuat penilaian rapi sebelum pembayaran pampasan disalurkan kepada pihak jabatan itu," katanya.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai desakan nelayan Pengerang khususnya di Sungai Rengit yang mengalami kerugian dianggarkan kira-kira RM2 juta dalam lapan hari.

Katanya, nelayan perlu bersabar kerana prosedur mendapatkan pampasan perlu melalui beberapa proses termasuk penilaian penanggung insurans kapal.

"Nelayan boleh menghubungi Jabatan Perikanan Negeri Johor untuk mendapatkan maklum balas mengenai tuntutan mereka," katanya.

Selain itu, katanya, Jabatan Laut sentiasa berusaha mengurangkan kemalangan dan pelanggaran kapal bagi mengurangkan risiko tumpahan minyak di perairan negara.

Katanya, beberapa mekanisme sudah dilaksana antaranya menjalankan penguatkuasaan ke atas kapal yang tidak patuhi perundangan negara dan antarabangsa dengan kerjasama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan polis marin.

"Jabatan Laut turut melaksanakan Skim Pemisah Trafik Maritim di Selat Melaka dan Singapura, Sistem Laporan Mandatori, Sistem Pengenal Kapal Secara Automatik dan menerima pakai 'International Convention for the Prevention of Pollution from Ships (Marpol) 1973/7.'

"Sekiranya tumpahan minyak berlaku, Pelan Kontingensi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak akan diaktifkan," katanya.